

# CTM CREDIT TRANSFER MOOC

Pindah kredit MOOC mengiktiraf pembelajaran yang diperolehi (learning acquired) oleh pelajar dengan memelihara aspek keaslian (authenticity) pemohon sebagai individu yang benar-benar telah mengikuti pembelajaran melalui MOOC, dan pengesahan (verification) bahawa pemohon sememangnya memperoleh tahap kecekapan (competency) tertentu yang digariskan oleh kursus MOOC yang telah diikuti dan setara pula dengan kursus yang dimohon untuk pindah kredit.

Senat melalui mesyuaratnya yang ke-677 pada 11 Jun 2020 telah meluluskan cadangan pelaksanaan pindah kredit MOOC di UPM mulai Semester Pertama 2020/2021.

**Pelaksanaan**

**Permohonan**

**Penilaian**

**Keputusan**

**Rayuan**


## Syarat Keperluan Pindah Kredit MOOC UPM


- 1 Perlu dimohon dan tidak diberikan secara automatik. Sesebuah kursus hanya dibolehkan untuk pindah kredit sekali sahaja bagi semua peringkat pengajian.
- 2 Diberikan kepada kursus yang ditawarkan dalam program akademik yang telah mendapat akreditasi. Bagi program yang melibatkan akreditasi badan profesional, kebenaran pindah kredit perlu mendapatkan kelulusan badan tersebut.
- 3 Dibenarkan pada kursus MOOC yang ditawarkan oleh mana-mana institusi yang diiktiraf oleh Senat UPM.
- 4 Tidak diberikan kepada kursus latihan industri, projek tahun akhir, disertasi, tesis dan kursus bersifat amali dan studio.
- 5 Pada peringkat siswazah, dibenarkan kepada kursus bagi program master secara kerja kursus.
- 6 Diberikan kepada kursus yang dimohon dan tidak secara automatik diberikan kepada kursus prasyarat bagi kursus tersebut.
- 7 Hanya dibenarkan bagi pemohon yang memperolehi gred C+ dan ke atas untuk peringkat prasiswazah, manakala B dan ke atas untuk peringkat siswazah yang diperolehi daripada kursus MOOC yang memberikan Sijil Tamat dan Sijil Kompetensi/Pencapaian.
- 8 Tidak diberikan kepada kursus yang telah diikuti oleh pemohon dan memperolehi gred Gagal. MOOC tidak boleh menggantikan kursus yang gagal.
- 9 Mesti setara dengan jumlah kredit kursus yang dimohon. Pemindahan separuh kredit bagi sesebuah kursus tidak dibenarkan.
- 10 Had pindah kredit MOOC yang dibenarkan tidak melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan kredit bergraduat. Walau bagaimanapun, pindah kredit maksimum 60% masih dikekalkan bagi gabungan pindah kredit yang melibatkan kelayakan akademik
- 11 Kelulusan permohonan pindah kredit MOOC adalah berdasarkan kesejajaran hasil pembelajaran kursus (CLO) yang dimohon, sama ada melalui satu kursus MOOC atau kombinasi beberapa kursus MOOC.


**Untuk maklumat lanjut,  
hubungi CADe:**



 <https://cade.upm.edu.my/>

 03 - 9769 6049

 [cadeinovasi@upm.edu.my](mailto:cadeinovasi@upm.edu.my)

 Pusat Pembangunan Akademik,  
Bangunan Canselori Putra,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia